

Usul kenaikan harga dilulus

Dewan Rakyat perakui langkah penstrukturan semula subsidi bahan api

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat meluluskan usul khas berkaitan kenaikan harga petroleum dan barangan selepas kira-kira lima jam dibahaskan oleh 18 Ahli Parlimen, masing-masing sembilan dari Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang, semalam.

Usul berkenaan diluluskan menerusi undian belah bahagian dengan 129 yang semuanya wakil rakyat BN menyokong, manakala 78 Ahli Parlimen pembangkang dan Bebas menolak. Turut mengundi, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Sebelum itu, berlaku kekecohan apabila Timbalan Speaker, Datuk Ronald Kiandee memutuskan usul berkenaan diterima selepas mendapat

BH 24/6/08 M/S 1-2

“Subsidi yang tidak berkesan akan memberi kesan besar kepada daya saing dan daya maju sesebuah ekonomi dalam jangka panjang”

Shahrir Samad
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

persetujuan lisan daripada semua Ahli Parlimen.

Bagaimanapun, tindakan beliau dibantah oleh wakil pembangkang menyebabkan keadaan hampir tidak terkawal hingga memaksa Ronald menyerahkan tugas itu kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Ketika mengemukakan bantahan itu, Azmin Ali (PKR-Gombak) yang disokong Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) meminta Perkara 46(4) Peraturan Mesyuarat diteliti selepas Ronald dikatakan tidak mepedulikan permintaan 15 Ahli Parlimen pembangkang supaya diadakan undian belah bahagian.

Keadaan reda apabila pada jam 6.56 petang, Pandikar Amin meminta Setiausaha Dewan, Rosmee Hamzah

membunyikan loceng bagi meminta semua Ahli Parlimen masuk untuk mengundi.

Ini adalah kali kedua pakatan pembangkang memilih kaedah undi sedemikian selepas kali pertama ketika pengundian Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (2007), yang juga memihak kepada kerajaan pada 28 Mei lalu.

Terdahulu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad, ketika membentangkan usul itu menghu-
raikan secara terperinci tindakan kerajaan menstruktur semula subsidi minyak, yang antara lain bertujuan meningkatkan keupayaan ekonomi negara sebagai persiapan menghadapi kemungkinan berlaku kemelesetan ekonomi dunia.

Beliau berkata, langkah itu juga dapat menjamin kesejahteraan rakyat miskin, golongan berpendapatan rendah dan sederhana berikutan kenaikan harga minyak di pasaran global.

"Ketika harga minyak di pasaran dunia meningkat, sistem subsidi minyak di pam sebelum ini kurang memberi manfaat kepada kumpulan sasar utama, sebaliknya menguntungkan golongan berada yang mempunyai kenderaan mewah atau lebih daripada satu kenderaan.

"Subsidi yang tidak berkesan akan memberi kesan besar kepada daya saing dan daya maju sesebuah ekonomi dalam jangka panjang, terutama apabila ia membabitkan kegiatan penyeludupan.